| Vitality Booster (Terpakai jika insured ialah ahli AIA Vitality)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | <ul style="list-style-type: none"><li>Anda akan layak mendapat manfaat tambahan yang dikenali sebagai Vitality Booster. Peratusan Vitality Booster sebanyak 20% akan diberikan sebagai peratusan asal. Peratusan Vitality Booster akan berubah berdasarkan Status AIA Vitality pada setiap Ulang Tahun Vitality Booster.</li><li>Vitality Booster ditentukan dengan mendarabkan Peratusan Vitality Booster semasa dengan nilai akaun (kecuali nilai akaun daripada Premium Tokok Ad Hoc dan Premium Tokok Tetap, jika ada), tertakluk kepada maksimum 50% daripada jumlah diinsuranskan pelan asas. Ia akan dibayar pada tarikh matang atau semasa penamatan polisi akibat daripada tuntutan kematian atau TPD (jika berkenaan).</li><li>Kuantum penyelarasan Peratusan Vitality Booster (%) haruslah berdasarkan kepada jadual Status AIA Vitality berikut:</li></ul> |                                                                          |       |       |                     |                                                                          |      |       |        |                                |       |      |       |       |    |    |    |    |    |    |    |    |    |    |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | <table><tr><th>Status AIA Vitality</th><th>Platinum</th><th>Emas</th><th>Perak</th><th>Gangsa</th></tr><tr><th>Peratusan Vitality Booster (%)</th><td>+1.0%</td><td>0.0%</td><td>-2.0%</td><td>-4.0%</td></tr></table>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                          |       |       | Status AIA Vitality | Platinum                                                                 | Emas | Perak | Gangsa | Peratusan Vitality Booster (%) | +1.0% | 0.0% | -2.0% | -4.0% |    |    |    |    |    |    |    |    |    |    |
|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Status AIA Vitality                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | Platinum                                                                 | Emas  | Perak | Gangsa              |                                                                          |      |       |        |                                |       |      |       |       |    |    |    |    |    |    |    |    |    |    |
| Peratusan Vitality Booster (%)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | +1.0%                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | 0.0%                                                                     | -2.0% | -4.0% |                     |                                                                          |      |       |        |                                |       |      |       |       |    |    |    |    |    |    |    |    |    |    |
| <ul style="list-style-type: none"><li>Jika Status AIA Vitality Anda adalah Gangsa atau Perak, Peratusan Vitality Booster (%) mungkin akhirnya akan menurun sehingga sifar peratus (0%) akibat daripada perubahan negatif dalam Peratusan Vitality Booster (%). Ia tidak akan menurun di bawah sifar peratus (0%) dan akan kekal di sifar peratus (0%) sehingga terdapat perubahan positif dalam Peratusan Vitality Booster (%). Jika Peratusan Vitality Booster adalah sifar, Anda tidak akan menerima sebarang Vitality Booster pada tarikh matang atau semasa penamatan polisi akibat daripada tuntutan kematian atau TPD (jika berkenaan). Anda tidak akan menerima sebarang Vitality Booster jika Polisi Anda menjadi luput atau diserahkan.</li></ul> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                          |       |       |                     |                                                                          |      |       |        |                                |       |      |       |       |    |    |    |    |    |    |    |    |    |    |
| Perlindungan Tambahan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Anda boleh memilih untuk meningkatkan perlindungan anda dengan memilih rider tambahan (jika berkenaan). Sila rujuk PDS yang berkaitan untuk maklumat lanjut mengenai rider-rider terpilih.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                                          |       |       |                     |                                                                          |      |       |        |                                |       |      |       |       |    |    |    |    |    |    |    |    |    |    |

A-Enrich Wealth **tidak termasuk** :

- **Bunuh Diri** - Jika kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, kami akan memulangkan premium yang dibayar berdasarkan tarikh kematian tanpa faedah dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Selepas itu, polisi ini akan ditamatkan.
- **Keadaan sedia ada** - termasuk apa-apa hilang upaya akibat daripada keadaan fizikal atau mental dan keadaan sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian.

**Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:  
1300-88-1899 (Care Line)  
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/our-products/wealth-protection/investment-savings/a-enrich-wealth.html>



Email kami di:  
my.pdsenquiry@aia.com

### 3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

|         |                                                                                                                                                            |
|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Premium | <b>RM89,225.00</b> tahunan<br>Jumlah premium yang perlu anda bayar dan terma polisi mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd. |
|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Tempoh: 10 Tahun

Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.

|                                          |                                                                                                                                                    |
|------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Premium diperuntukkan untuk membeli unit | 95% daripada A-Plus Enhancer premium atau <b>RM33,915.00</b> dari tahun polisi 1 ke 10<br>Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk maklumat lanjut |
|------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

|                     |                                                                                    |
|---------------------|------------------------------------------------------------------------------------|
| Komisen             | <b>6.63%</b> daripada jumlah premium yang harus anda bayar atau <b>RM59,151.39</b> |
| Caj Pengurusan Dana | Sila rujuk kepada lembaran fakta dana yang berkenaan untuk maklumat lanjut.        |

### 4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan / dibatalkan.
- Nilai akaun bergantung kepada prestasi dana / dana-dana berkaitan pelaburan yang dilaburkan.
- Yuran dan caj adalah tidak dijamin dan AIA Bhd. berhak untuk menyemak semula premium tersebut dengan memberikan notis bertulis selama 3 bulan sebelum ulang tahun polisi yang seterusnya.
- Premium bagi A-Enrich Gold adalah terjamin.
- Tempoh Ihsan - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput apabila Nilai Akaun anda tidak mencukupi untuk membayar nilai tunai.
- Lien Juvenil - Sekiranya berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal (yang mana berkenaan) sebelum Insured mencapai umur 4 tahun, pengurangan jumlah diinsuranskan perlu dibayar seperti berikut:
- **MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS DASAR YANG MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANCANG HAYAT AIA ANDA ATAU HUBUNGI AIA BHD. UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**Nota:** Senarai **tidak menyeluruh** ini. Sila rujuk kepada polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

### ? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan Polisi dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan yang mungkin telah ditanggung untuk sebarang pemeriksaan perubatan akan dibayar balik kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Apabila polisi dibatalkan, nilai tunai (jika ada), ditolak sebarang keterhutangan, hendaklah dibayar. Sila pertimbangkan semula dengan teliti kerana amaun yang AIA Bhd. akan bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang polisi mungkin lebih rendah daripada jumlah premium yang telah anda bayar. Polisi tersebut kemudiannya akan ditamatkan.



## LAMPIRAN

### PENERANGAN PELAN:

#### Manfaat Kematian

- Sekiranya berlaku kematian (bukan disebabkan kemalangan), Jumlah Manfaat Kematian yang berikut akan dibayar:
  - 200% daripada jumlah diinsuranskan pelan asas; dan
  - Nilai akaun (jika ada).
- Perlindungan bagi manfaat kematian adalah sehingga 20 tahun.

#### Manfaat Kematian akibat Kemalangan

- Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, tambahan 100% daripada jumlah diinsuranskan pelan asas akan dibayar bersama dengan Jumlah Manfaat Kematian.
- Perlindungan bagi manfaat kematian akibat kemalangan adalah sehingga ulang tahun polisi sebaik sahaja Insured mencapai hari jadi ke-70 atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

#### Pendorong Pelaburan

- Pendorong Pelaburan akan meningkatkan nilai akaun sekali setiap 2 tahun polisi bermula dari akhir tahun polisi ke-2 sehingga akhir tahun polisi ke-18 dengan syarat polisi masih berkuat kuasa (walaupun di bawah peruntukan pinjaman premium automatik atau tuntutan manfaat penepian premium).
- Setelah Pendorong Pelaburan dikreditkan ke dalam Nilai Akaun, nilainya akan berubah (contohnya naik atau turun) bergantung kepada prestasi dana pelaburan yang telah dipilih.
- Amaun Pendorong Pelaburan adalah seperti berikut:

| Akhir Tahun Polisi | % daripada Premium Tahunan Pelan Asas, kecuali sebarang premium tambahan |
|--------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 2                  | 10                                                                       |
| 4                  | 10                                                                       |
| 6                  | 10                                                                       |
| 8                  | 20                                                                       |
| 10                 | 20                                                                       |
| 12                 | 20                                                                       |
| 14                 | 30                                                                       |
| 16                 | 30                                                                       |
| 18                 | 30                                                                       |

#### Manfaat Kematangan

- Pada tarikh kematangan pada akhir tahun polisi ke-20, 500% daripada premium tahunan pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan) dan nilai akaun (jika ada) akan dibayar.

#### Pendorong Simpanan

- Tambahan 40% daripada premium tahunan pelan asas (tidak termasuk sebarang premium tambahan) akan dibayar dengan Manfaat Kematangan pada tarikh kematangan, dengan syarat:
  - premium pelan asas telah dibayar pada tarikh genap premium atau semasa tempoh ihsan; dan
  - tiada pengeluaran separa telah dibuat daripada nilai akaun (kecuali nilai akaun daripada premium Tokok Tetap dan premium Tokok Ad Hoc) sepanjang tempoh polisi; dan
  - tiada pinjaman polisi telah dibuat daripada nilai tunai

### AIA VITALITY:

#### Vitality Booster

- AIA Vitality adalah sebuah program yang ditawarkan oleh AIA Health Services Sdn. Bhd. (Company No. 199601016211 (388561-T)) yang memberi sokongan dan ganjaran kepada ahlinya untuk membuat pilihan yang lebih sihat setiap hari.
- Sekiranya anda mendaftar untuk menjadi ahli AIA Vitality semasa anda membeli A-Enrich Wealth, anda akan layak untuk satu manfaat tambahan yang dikenali sebagai Vitality Booster.
- Peratusan Vitality Booster sebanyak 20% akan diberikan sebagai peratusan asal. Peratusan Vitality Booster akan berubah berdasarkan Status AIA Vitality pada setiap Ulang Tahun Vitality Booster.
- Amaun Vitality Booster akan ditentukan dengan mendarabkan Peratusan Vitality Booster Semasa dengan nilai akaun (kecuali nilai akaun daripada Premium Tokok Ad Hoc dan Premium Tokok Tetap, jika ada), tertakluk kepada maksimum 50% daripada jumlah diinsuranskan pelan asas. Ia akan dibayar pada tarikh matang atau semasa penamatan polisi akibat daripada tuntutan kematian atau TPD (jika berkenaan).
- Kuantum penyelarasan Peratusan Vitality Booster (%) haruslah berdasarkan kepada jadual Status AIA Vitality berikut:

| AIA Vitality Status            | Platinum                                                                               | Emas                                                                                  | Perak                                                                                | Gangsa                                                                               |
|--------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| Peratusan Vitality Booster (%) | +1.0%<br>(Peratusan Vitality Booster (%) meningkat sebanyak 1% dari tahun sebelumnya.) | 0.0%<br>(Tiada perubahan dalam Peratusan Vitality Booster (%) dari tahun sebelumnya.) | -2.0%<br>(Peratusan Vitality Booster (%) menurun sebanyak 2% dari tahun sebelumnya.) | -4.0%<br>(Peratusan Vitality Booster (%) menurun sebanyak 4% dari tahun sebelumnya.) |

- Jika Status AIA Vitality anda adalah Gangsa atau Perak, Peratusan Vitality Booster (%) mungkin akhirnya akan menurun sehingga sifar peratus (0%) akibat daripada perubahan negatif dalam Peratusan Vitality Booster (%). Ia tidak akan menurun di bawah sifar peratus (0%) dan akan kekal di sifar peratus (0%) sehingga terdapat perubahan positif dalam Peratusan Vitality Booster (%). Jika Peratusan Vitality Booster adalah sifar, anda tidak akan menerima sebarang Vitality Booster pada tarikh matang atau semasa penamatan polisi akibat daripada tuntutan kematian atau TPD (jika berkenaan). Anda tidak akan menerima sebarang Vitality Booster jika polisi anda menjadi luput atau diserahkan.
- Vitality Booster akan berhenti apabila berlaku mana-mana kejadian yang berikut:

- (i) Apabila 100% daripada Vitality Booster telah dibayar; atau
  - (ii) Jika Insured berhenti menjadi ahli AIA Vitality; atau
  - (iii) Jika polisi telah ditukar menjadi insurans berbayar berkurang; atau
  - (iv) Jika polisi menjadi luput, diserahkan atau ditamatkan;
- yang mana berlaku lebih awal.

#### **PENERANGAN RIDER / RIDER-RIDER:**

##### **A-Plus Disability Care (APDC)**

- APDC memberi perlindungan bagi Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD).
- Manfaat APDC ini dikeluarkan bagi umur penyertaan 65 tahun dan ke bawah. Jumlah diinsuranskan APDC mungkin berbeza bergantung kepada keputusan akhir penaksiran penajajaminan AIA Bhd. terhadap umur, pekerjaan dan/atau keadaan perubatan, tertakluk kepada jumlah diinsuranskan maksimum yang dibenarkan oleh AIA.
- Sekiranya berlaku TPD (berlaku dari umur 16 tahun sehingga umur 70 tahun), di mana hilang upaya mematuhi definisi 'Pekerjaan yang Bersesuaian' seperti yang dinyatakan dalam kontrak, bayaran pendahuluan sebanyak 20% daripada jumlah diinsuranskan APDC akan dibayar masing-masing bagi 2 tahun pertama dan baki 160% bayaran pendahuluan daripada jumlah diinsuranskan APDC tambah nilai akaun (jika ada) akan dibayar pada tahun ke-3.
- Sekiranya berlaku TPD (berlaku sebelum umur 70 tahun), di mana hilang upaya mematuhi definisi 'Kehilangan Upaya Presumptif' atau "Sebarang Pekerjaan' seperti yang dinyatakan dalam kontrak, bayaran sekaligus sebanyak 200% daripada jumlah diinsuranskan APDC tambah nilai akaun (jika ada) akan dibayar.
- Sekiranya berlaku TPD akibat kemalangan (berlaku sebelum umur 70 tahun), tambahan 100% daripada jumlah diinsuranskan APDC akan dibayar bersama dengan amaun pembayaran.
- Jika jumlah diinsuranskan APDC adalah lebih kurang daripada jumlah diinsuranskan pelan asas, hanya 200% jumlah diinsuranskan APDC akan dibayar. Jumlah diinsuranskan pelan asas akan dikurangkan oleh pembayaran pendahuluan yang dibayar di bawah APDC.
- Perlindungan bagi APDC adalah sehingga ulang tahun polisi sebaik sahaja Insured mencapai hari jadi ke-70 atau tamat tempoh pelan asas, yang mana lebih awal.

#### **LAIN-LAIN**

- (i) Polisi ini melayakkan diri anda mendapat pelepasan cukai peribadi tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- (ii) Faedah yang perlu dibayar di bawah polisi adalah tertakluk kepada potongan sebarang hutang.
- (iii) Jika anda menamatkan polisi anda pada tahun awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar.
- (iv) Pemberhentian pembayaran premium sebelum tamat tempoh pembayaran premium akan menyebabkan polisi anda ditamatkan lebih awal.
- (v) Caj Penukaran Dana – Sekiranya anda mendapati bahawa dana pelaburan yang anda telah pilih tidak lagi sesuai, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana tanpa sebarang kos tambahan. Penukaran dana pada masa ini percuma. AIA Bhd. berhak untuk menyemak semula caj-caj dengan memberi 3 bulan notis bertulis kepada anda.
- (vi) Premium Tokok Ad Hoc - Selepas polisi dimulakan, anda mempunyai fleksibiliti untuk meningkatkan Nilai Akaun anda dengan membayar Premium Tambah Nilai Ad Hoc. Sebarang Premium Tambah Nilai yang dibayar akan digunakan untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda, berdasarkan kadar peruntukan 95%.
- (vii) Jika keperluan kewangan anda berubah dari semasa ke semasa, anda mempunyai fleksibiliti untuk menyesuaikan perlindungan dan / atau premium anda agar lebih sesuai dengan keperluan anda. Untuk bantuan, sila hubungi AIA Bhd.
- (viii) Pencalonan - Anda digalakkan untuk melantik penama untuk permohonan insurans anda untuk memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Sila pastikan bahawa penama anda mengetahui polisi yang telah anda beli.
- (ix) Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.

**Nota Penting:** Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



AIA Bhd.

200701032867 (790895-D)

Tarikh: 12/10/2025

Pelanggan yang dihormati,  
Lembaran Pendedahan Product (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## 1 Apakah A-Plus Waiver

**A-Plus Waiver** ialah rider berbayar premium yang AIA Bhd. akan membayar bayaran premium pelan asas (tidak termasuk Premium Tambah Nilai Biasa, jika ada) bagi pihak anda sehingga akhir tempoh pembayaran premium pelan asas, jika insured didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 38 penyakit kritikal yang dilindungi sebelum tamat tempoh rider ini. Premium yang perlu dibayar untuk rider, jika berkenaan, akan terus dibayar.

Perlindungan untuk rider ini adalah sehingga tempoh pembayaran premium Pelan Asas.

**Nota:** Sila rujuk Lampiran untuk penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini.

## 2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

|                                                                                                                                    |                            |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| Sebagai ilustrasi, untuk <b>RM258.75</b> tahunan, anda akan menerima <b>perlindungan / manfaat-manfaat</b> insurans hayat berikut: |                            |
| Manfaat Kematiaan                                                                                                                  | Tidak berkenaan            |
| Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal                                                                                                  | Tidak berkenaan            |
| Penyakit Kritikal                                                                                                                  | <b>RM89,225.00</b> setahun |

A-Plus Waiver **tidak termasuk** :

- **Keadaan sedia ada** - termasuk apa-apa hilang upaya akibat daripada keadaan fizikal atau mental dan keadaan sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian.
- Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, yang mana tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh 60 hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Permulaan, yang mana kemudian;
- Semua penyakit kritikal lain yang tanda-tanda atau simptomnya mula-mula berlaku dalam tempoh 30 hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Permulaan, yang mana kemudian;
- Penyakit kritikal didiagnosis secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit yang telah nyata atau didiagnosis sebelum umur 17 tahun; Atau
- Diagnosis Fulminant Viral Hepatitis, Kanser, Ensefalitis, Meningitis Bakteria, Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk atau Penyakit Terminal secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) atau jangkitan oleh mana-mana Human Immunodeficiency Virus (HIV).

**Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:  
1300-88-1899 (Care Line)  
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:  
<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:  
[my.pdsenquiry@aia.com](mailto:my.pdsenquiry@aia.com)

## 3 Ketahui Tanggungjawab Anda

|                                                                 |                                                                                                                                                         |
|-----------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak: |                                                                                                                                                         |
| Premium                                                         | <b>RM258.75</b> tahunan<br>Jumlah premium yang perlu anda bayar dan terma polisi mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd. |
| Tempoh: Sehingga tamat tempoh pembayaran premium Pelan Asas.    |                                                                                                                                                         |
| Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:       |                                                                                                                                                         |
| Komisen                                                         | <b>8.55%</b> daripada premium atau <b>RM221.23</b>                                                                                                      |

## 4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan.
- Premium A-Plus Waiver tidak dijamin dan AIA Bhd. berhak untuk menyemak atau menyelaraskannya mengikut penilaian risiko AIA Bhd. pada masa pembaharuan tersebut.
- Tempoh Ihsan - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput apabila Nilai Akaun anda tidak mencukupi untuk membayar nilai tunai.
- Cukai Kerajaan Yang Berkenaan – Premium yang dibayar oleh organisasi adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.
- Tempoh menunggu selama 30 hari dan 60 hari dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, hendaklah dikenakan bergantung kepada jenis penyakit kritikal.

**Nota:** Senarai **tidak menyeluruh** ini. Sila rujuk kepada polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

## ? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang caj perubatan yang dikenakan) untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Nilai serahan rider (jika berkenaan) akan dibayar kepada anda selepas pembatalan.



## LAMPIRAN

### SENARAI PENYAKIT KRITIKAL

Senarai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah A-Plus Waiver adalah seperti berikut:

|                                           |                                                                            |
|-------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|
| 1. Strok                                  | 20. Sklerosis Multiple                                                     |
| 2. Kanser                                 | 21. Kelumpuhan Anggota                                                     |
| 3. Serangan jantung                       | 22. Distrofi Otot                                                          |
| 4. Pembedahan Pintas Arteri Koronari      | 23. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk                                    |
| 5. Penyakit Arteri Koronari Serius        | 24. Penyakit Neuron Motor                                                  |
| 6. Pembedahan Injap Jantung               | 25. Penyakit Parkinson                                                     |
| 7. Hepatitis Viral Fulminan               | 26. Penyakit Terminal (Membawa Maut)                                       |
| 8. Kegagalan Hati Tahap Akhir             | 27. Ensefalitis                                                            |
| 9. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer     | 28. Tumor Otak Benign                                                      |
| 10. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir        | 29. Trauma Kepala Major (Teruk)                                            |
| 11. Kegagalan Buah Pinggang               | 30. Meningitis bakteria                                                    |
| 12. Pembedahan Aorta                      | 31. Pembedahan Otak                                                        |
| 13. Anemia Aplastik Kronik                | 32. Penyakit Sistik Medular                                                |
| 14. Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang | 33. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)                             |
| 15. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih    | 34. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah                                  |
| 16. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih   | 35. Kardiomiopati                                                          |
| 17. Hilang Keupayaan Bertutur             | 36. AIDS Dengan Gejala Penuh                                               |
| 18. Koma                                  | 37. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan     |
| 19. Kelecuran Tahap Ketiga                | 38. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk |

**Nota Penting:** Sila rujuk kontrak polisi untuk butiran mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.